

Tiga emas, tujuh perak dan sembilan gangsa

# Pecipta 2013: UTHM raih 19 pingat




WARGA UTHM yang berjaya membawa 19 pingat dalam Pecipta 2013 di KLCC, baru-baru ini.

Oleh **ZAINAL AZHAR MOHAMED**  
utusanjohor@utusan.com.my

**BATU PAHAT** 26 Nov. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menggondol tiga pingat emas, tujuh perak dan sembilan gangsa sempena Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pecipta) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dalam program dwi tahunan itu, UTHM mempertaruhkan sebanyak 20 produk dan tiga pingat emas itu diperoleh menerusi hasil penyelidikan Prof. Madya Dr. Yusri Yusoff iaitu produk 'An Appatus For Extraction Of Leaf Fibre' (PALF M1); Prof. Madya Dr. Badrul Omar dengan produk 'Fuzzy-Concept' serta produk Dr. Soon Chin Fhong iaitu 'An Integrated System For Measurement And Mapping Of Single Cell Traction Force'.

Lebih membanggakan, dua pro-

 Maklum balas  
diterima serta

hasrat dan minat yang ditunjukkan oleh industri untuk kerjasama pengkomersialan diharapkan akan dapat meningkatkan hasil UTHM

**SHAFRY SALIM**

Pegawai Perhubungan Awam UTHM

duk UTHM iaitu produk Prof. Madya Dr. Yusri Yusoff dan Prof. Madya Dr. Anika Zafiah Mohd. Rus, masing-masing mendapat anugerah khas International Intellectual Property Forum (IIPF) dan anugerah khas Korea Invention News.

Anugerah kepada kesemua pe-

menang disampaikan oleh Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh.

Dalam Pecipta kali ini, pertandingan terbahagi kepada tiga kategori iaitu terbuka, pengkomersialan dan penyelidik muda.

Pertandingan tersebut berjaya mengumpul sebanyak 480 produk penyelidikan dan inovasi daripada para peserta dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, penglibatan UTHM dalam program itu telah memberi impak yang besar kepada para penyelidik kerana membantu mengkomersialkan hasil penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan.

"Maklum balas diterima serta hasrat dan minat yang ditunjukkan oleh industri untuk kerjasama pengkomersialan diharapkan akan dapat meningkatkan hasil UTHM," katanya.